

MAHATHIR-BMF

(1)

KUALA LUMPUR, 16 DIS (BERNAMA) -- KERAJAAN MEMPUYAI KUASA MENENTUKAN SAMA ADA LAPORAN MUKTAMAD JAWATANKUASA PENYIASAT MENGENAI SKANDAL PINJAMAN \$2.5 BILION BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE (BMF) HARUS DIUMUMKAN KEPADA RAMAI; KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KERAJAAN, SELAKU PEMEGANG SAHAM TERBESAR BANK BUMIPUTRA MALAYSIA BERHAD (BBMB), SYARIKAT INDUK BMF, TELAH MENGARAHKAN JAWATANKUASA UNTUK MENYIASAT SKANDAL ITU, KATANYA.

+TETAPI PENGURUSAN BANK MASIH TERLETAK PADA PARA PENGURUS BBMB,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENGHADIRI JAMUAN TENGAH HARI DI PAN PACIFIC HOTEL DI SINI.

OLEH ITU, KATANYA, +KERAJAAN JUGA BERHAK BERSUARA+ DALAM MEMBUAT PENENTUAN SAMA ADA LAPORAN ITU HARUS DIUMUMKAN KEPADA RAMAI.

+KITA TIDAK BOLEH TERUS MENYERAHKANNYA (KEPUTUSAN MENGENAI PENGUMUMAN) KEPADA BANK DAN MENJADIKANNYA SEBAGAI TANGGUNGJAWAB MEREKA,+ KATA BELIAU. - LAGI.

1635MST 16 12 85

D555

B 8033 AAB

MAHATHIR-BMF 2 KUALA LUMPUR

(1)

BELIAU BERKATA KERAJAAN PERLU MENDAPAT NASIHAT BANK SEBELUM MENJANJIKAN KEPUTUSAN.

+MEMANGLAH IA HANYA NASIHAT. BUKAN ARAHAN. KAMI YANG MEMUTUSKANNYA,+ KATA BELIAU.

KETIKA DITANYA SAMA ADA INI BERERTI KERAJAAN MASIH BERHAK MEMBUAT KEPUTUSAN SAMA ADA HENDAK MENGUMUMKAN LAPORAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, +YA.+

BAGAIMANAPUN, KATANYA BELIAU BELUM MENERIMA LAPORAN ITU DAN MENEGASKAN +IA LAPORAN KEPADA BANK. JADI, SAYA AKAN TUNGGU BANK MEMBERIKANNYA KEPADA SAYA.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA LAPORAN ITU AMAT TEBAL, LEBIH 1000 MUKA, DAN +SAYA MAHUKAN IKHTISARNYA,+ KATANYA. -- LAGI.

1640MST 16 12 85

D561

B 8037 AAB

MAHATHIR-BMF 3 KUALA LUMPUR

(1)

KETIKA DITANYA SAMA ADA LAPORAN ITU HARUS DIKEMUKAKAN KEPADA UMUM SEBAGAIMANA DINYATAKAN OLEH BEBERAPA KALANGAN TERTENTU TERMASUK KETUA AUDIT NEGARA TAN SRI AHMAD NOORDIN ZAKARIA YANG MENGETUAI JAWATANKUASA ITU, BELIAU BERKATA BELIAU BELUM MELIHAT LAPORAN ITU DAN TIDAK TAHU KANDUNGANNYA OLEH ITU TIDAK DAPAT MEMBUAT ULASAN APA-APA.

PERDANA MENTERI JUGA TIDAK MENOLAK KEMUNGKINAN LAPORAN ITU AKAN DIBENTANGKAN KEPADA KABINET.

+SAYA PERCAYA ANGGOTA KABINET MUNGKIN BERMINAT,+ JAWABMNYA KEPADA SATU SOALAN.

YANG TURUT MENGHADIRI JAMUAN ITU YANG DIBERIKAN OLEH PERBADANAN SERI PACIFIC CORPORATION (SPC), TUAN PUNYA HOTEL ITU, IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH, Pengerusi SPC DATUK ABDUL RAHIM ABDUL RAHMAN DAN PARA ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH.

PERDANA MENTERI SEBELUM ITU DIBAWA MELAWAT PELBAGAI BAHAGIAN HOTEL ANTARABANGSA BERTARAF LIMA BINTANG ITU YANG MEMULAKAN PERNIAGAANNYA SEMALAM. INI TEMASUK +SELERA COFFEE HOUSE+ YANG DIBUKA 24 JAM DAN RESTORAN CINA +HAI TIEN LO+. - BERNAMA.

1651MST 16 12 85